

Fenomena Dubsmash buat semua orang tumpang glamor

GILA AJUK SUARA

Selepas Gangnam Style, Gwiyomi, laman sosial Keek dan pelbagai video kreatif atau parodi mencetuskan fenomena di negara ini, masyarakat pelbagai lapisan usia termasuk artis mula beralih kepada kegunaan aplikasi telefon pintar dikenali Dubsmash.



Kompilasi Dubsmash Artis Malaysia

10211

LAPORAN Metro Ahad, semalam.

Lebih baik tonjol bakat sendiri

Kuala Lumpur: "Ia seolah-olah sudah menjadi trend pada zaman kini apabila orang 'menjual' diri mereka di Internet menggunakan bakat orang lain untuk cepat popular tanpa menyedari risiko yang bakal dihadapi," kata pakar sosial Prof Datuk Dr Mohammad Shatar Sabran.

Menurut Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni) Universiti Putra Malaysia (UPM) itu, perbuatan berkenaan tidak salah jika dilakukan secara suka-suka, tetapi bukannya dikongsi bersama rakan atau dimuat naik ke dalam Internet.

"Aplikasi Dubsmash itu berbeza kerana individu yang melakukannya menggunakan suara atau muzik orang lain untuk menonjolkan bakat mereka dan bukannya diri mereka sepenuhnya.

"Kalau betul hendak popular, lebih baik gunakan bakat yang ada sepenuhnya untuk menonjolkan hasil kerja menggunakan kreativiti sendiri," katanya ketika dihubungi.

Shatar berkata, individu yang menghasilkan Dubsmash juga mungkin mempunyai keyakinan diri yang rendah sehingga perlu menggunakan populariti orang lain untuk menonjolkan diri mereka.

"Jika Dubsmash dilaku-



DR Mohammad Shatar

kan untuk tatapan sendiri tidak mengapa, namun apabila ia dikongsi bersama orang lain walaupun alasan sebagai hiburan, ia menunjukkan si pelaku itu tidak yakin dengan bakat yang ada.

"Itu belum lagi dilihat dari aspek lain seperti kemungkinan disaman oleh pemegang hak cipta muzik atau suara orang yang ditiru di dalam aplikasi Dubsmash itu," katanya.

Menurut beliau, risiko itu tidak mustahil boleh berlaku sekiranya suara atau muzik yang ditiru dilakukan dengan cara yang boleh memalukan pemegang hak cipta berkenaan.

"Kalau ia dilakonkan semula dengan cara yang boleh mendatangkan aib atau pada produk yang diharamkan, mungkin si pelaku boleh disaman pemilik suara berkenaan," katanya.